8	Kampung Paya, Tanah Liat	8
21	Kelompok Padi Kampung Terus/ Kampung Kubu	10
	Kelompok Padi Guar Jering	15
	Kelompok Padi Padang Tembusu	20
JUMLAH		137

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (SPS):

MUKIM	KAWASAN / KELOMPOK PADI	LUAS (HEKTAR)
10	Sungai Tok Tuntung	10
	Sungai Setar	35
	Jalan Baharu	10
	Sungai Air Hitam	30
	Batas Pinang	20
	Sungai Tongkang	10
	Parit Kasa	34
	Batu 4	25
	Batu 3	17
JUMLAH		191

DAERAH BARAT DAYA (DBD):

MUKIM	KAWASAN / KELOMPOK PADI	LUAS (HEKTAR)
H	Kelompok Padi Sungai Burung Darat	31.46
	Kelompok Padi Pokok Kenanga	31.94
	Kelompok Padi Fasa 1	63.48
	Kelompok Padi fasa 2	80.4
	Kelompok Padi Fasa 3	68.66
	Padang Kemunting	19.32
JUMLAH		295.26

**MAKLUMAT PROJEK PARIT LADANG DI
KAWASAN BERMASALAH YANG TELAH DILAKSANAKAN BAGI
TAHUN 2023 SEHINGGA 2024.**

TAHUN 2023:

BIL.	KAWASAN	DAERAH	PANJANG PARIT LADANG / KLUASAN
1	Kampung Baru Tok Jawa	Seberang	3500m
2	Lahar Yooi / Nyiur Sebatang	Perai Utara	3000m
3	Sungai Burung	Barat Daya	1994m
4	Pokok Kenanga		350m
5	Parit Kasa	Seberang Perai Selatan	1500m
6	Batu 3		1500m
7	Batu 4		1500m
8	Tanjung Berembang		1500m
9	Batas Pinang		1500m

TAHUN 2024:

BIL.	KAWASAN	DAERAH	PANJANG PARIT LADANG / KLUASAN
1	Sungai Burung Darat	Barat Daya	400m
2	Pokok Kenanga		400m
3	Padang Kemunting		400m

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

9. Kambing-kambing yang diambil dari luar negeri Pulau Pinang dapat dijual harga murah berbanding dengan harga di negeri ini. Bagaimana kerajaan hendak mengawal kemasukan kambing-kambing ini agar penternak di negeri ini mampu berdaya saing dari sudut harga?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) menjalankan kawalan pemindahan ternakan dan produk haiwan menggunakan sistem eVetPermit dimana semua pemindahan haiwan dan produknya merentasi negeri/daerah asal memerlukan Akuan Kebenaran Pindah (AKP) dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV). Dokumen ini menjadi dokumen rujukan utama yang perlu dibawa bersama semasa pemindahan dijalankan. Tujuan utama kawalan pemindahan ternakan dan produk hasil haiwan ini dilaksanakan adalah bagi mencegah penularan penyakit haiwan yang berjangkit dan zoonotik, menjamin kesihatan awam dan produk haiwan selamat kepada pengguna dan membangunkan suatu mekanisme daya jejak yang berwibawa dan mantap.

Pihak JPVPP mengesyaki, kambing yang dijual dengan harga yang rendah ini adalah kambing yang diseludup dari negara jiran. Pihak Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar (IPPV) telah mengambil inisiatif untuk melantik pegawai penyelarasan dari JPVPP untuk tujuan menyelaras informasi berkaitan isu penyeludupan ternakan dan membendung penyakit berjangkit atau zoonosis daripada ternakan seludup. Pegawai penyelarasan ini perlu membentangkan hasil penyiasatan ternakan yang disyaki diseludup dalam Mesyuarat Penyelarasan Penyiasatan Pergerakan Dan Penjualan Ternakan Disyaki Seludup Di Dalam Negara. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya pengusaha ternakan didapati bersalah dan menjalankan penyeludupan haiwan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

10. Senaraikan rumah sembelihan yang ada di Pulau Pinang mengikut daerah dan haiwan yang disembelih.
- (a) Bila waktu penyembelihan dilakukan dan berapa lama tempoh menunggu yang ditetapkan agar tempoh menunggu tidak terlalu lama?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menambah pusat penyembelihan atau sebagainya dalam mengurangkan masa menunggu penyembelihan dilakukan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Senarai rumah sembelihan yang ada di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah dan haiwan yang disembelih adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Waktu penyembelihan adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Tempoh menunggu tidak ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) tetapi ianya bergantung kepada pengurusan rumah sembelih yang melaksanakan aktiviti penyembelihan mengikut faktor fasiliti, jumlah pekerja dan jumlah penyembelihan harian. Secara purata, proses penyembelihan babi mengambil masa 30 minit sehingga penandaan cop lagenda/tag karkas manakala untuk ruminan mengambil masa 45 minit hingga 60 minit bagi setiap ekor ternakan.

Manakala, rumah sembelih di bawah pemantauan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dibuka dari jam 6.30 pagi

sehingga 12.00 tengah hari. Berdasarkan objektif kualiti MBPP, semua proses penyembelihan haiwan dan pemeriksaan daging di Rumah Sembelih Majlis akan dijalankan dalam tempoh dua (2) jam.

Bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, waktu operasi bagi rumah sembelih adalah 24 jam, namun waktu penyembelihan adalah tertakluk kepada pengurusan dan kapasiti rumah sembelih masing-masing.

Pihak JPVPP telah meneliti jumlah penyembelihan di setiap rumah sembelihan ruminan yang tidak berlesen. Purata penyembelihan bagi setiap bulan adalah kurang daripada 20 ekor. Perancangan bagi tujuan penyembelihan boleh dibuat oleh mana-mana pihak yang hendak menjalankan aktiviti menyembelih di rumah sembelih yang berlesen memandangkan terdapat keperluan permohonan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan Akuan Kebenaran Pindah (AKP).

JPVPP tidak menghalang mana-mana operator rumah sembelih yang tidak berlesen dan berminat untuk beroperasi untuk memohon lesen di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993 namun perlulah mematuhi syarat pelesenan iaitu mempunyai Kebenaran Merancang (KM). Keperluan KM dalam pembinaan rumah sembelih adalah diwajibkan seperti yang digariskan di dalam Seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Pihak JPVPP perlu mengambil kira KM sebagai satu syarat permohonan lesen setelah mendapat pandangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain daripada syarat KM, operator rumah sembelih perlu memastikan bahawa semua penyembelihan yang dibuat adalah mematuhi Manual Rumah Penyembelihan Tempatan Bagi *Abattoir Ruminan* dan *Code of Veterinary Practice or Pig Abattoir*.

- (b) Selain itu, buat masa sekarang, pihak MBPP tidak mempunyai perancangan untuk menambah pusat penyembelihan. Manakala pihak MBSP memberi keutamaan kepada syarikat rumah sembelih yang membuat permohonan. MBSP bersedia memberikan bantuan teknikal kepada mana-mana syarikat yang berminat.

Jadual 1: Senarai Rumah Sembelih Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang Mengikut Daerah dan Haiwan Yang Disembelih

BIL.	RUMAH SEMBELIH	DAERAH	JENIS TERNAKAN
1	YSH Food Supplies Sdn Bhd	SPU	Babi
2	Hi Good Corporation Sdn Bhd	SPU	Babi
3	Soon Seng Meat Sdn Bhd	SPS	Babi
4	Cell Diversified Sdn Bhd @ Rumah Sembelih Babi MBPP	DTL	Babi
5	Batu Maung Pig Slaughtering House Sdn Bhd	DBD	Babi
6	Rumah Sembelih Ruminan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)	SPT	Ruminan
7	Rumah Sembelih Ruminan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	DTL	Ruminan
8	TAF Venture	SPS	Ruminan
9	Akit Enterprise	SPT	Ruminan

Jadual 2: Senarai Rumah Sembelih Di Tanah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

BIL.	RUMAH SEMBELIH	DAERAH	JENIS TERNAKAN	STATUS
1.	Rumah Sembelih Ruminan (diuruskan oleh MBPP)	Timur Laut	Lembu dan kambing	Dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar
2.	Rumah Sembelih Babi (telah diswastakan)	Timur Laut	Babi	Dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Jadual 3: Senarai Rumah Sembelih Mengikut Syarikat Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

BIL.	NAMA SYARIKAT	DAERAH	JENIS TERNAKAN
1.	TCS GLOBAL VENTURE	SPU	Babi
2.	YSH FOOD SUPPLIES SDN BHD	SPU	Babi
3.	TCS FARM FOOD SDN BHD	SPU	Babi
4.	YEAP CHIN HUAT ENTERPRISE	SPU	Babi
5.	HALIBU TRADING	SPU	Ayam/Itik
6.	RAANY MAJU MART	SPU	Ayam/Itik

7.	KIM FEAK TRADING	SPU	Ayam/itik
8.	LUNAS ENTERPRISE	SPT	Ayam/itik
9.	AKIT ENTERPRISE	SPT	Ayam/itik
10	KP ASLI SDN. BHD.	SPT	Ayam/itik
11.	DAYAM CHICKEN PROCESSING SDN. BHD.	SPT	Ayam/itik
12.	MANZR HOLDINGS SDN. BHD.	SPT	Ayam/itik
13.	ROSZIZAL BERKAT SDN.BHD.	SPT	Ayam/itik
14.	INTEGRATED POULTRY INDUSTRY SDN. BHD.	SPT	Ayam/itik
15.	PEMBORONG AYAM AK (M) SDN.BHD	SPT	Ayam/itik
16.	Z & C WHOLESALE SDN BHD	SPT	Ayam/itik
17.	AYAM HEBAT PROSESAN SDN. BHD	SPT	Ayam/itik
18.	KP POULTRY FARMING (M) SDN BHD	SPT	Ayam/itik
19.	TCS FARM FOOD SDN BHD	SPT	Ayam/itik
20.	TEIK HONG HUA SDN. BHD	SPS	Babi
21.	SOON SENG MEAT SDN. BHD.	SPS	Babi
22.	TAF VENTURE SDN BHD	SPS	Lembu/Kambing
23.	AYAM HEBAT PROSESAN SDN BHD	SPS	Ayam/itik
24.	THEEPIKA SREE ENTERPRISE	SPS	Ayam/itik
25.	NGR TRADING & SEVICES SDN. BHD.	SPS	Ayam/itik
26.	LTC AYAM SDN BHD	SPS	Ayam/itik
27.	MEETHRAA CHICKEN 4 YOU ENTERPRISE	SPS	Ayam/itik
28.	MSDD CHICKEN AND MUTTON ENTERPRISE	SPS	Ayam/itik
29.	AYAMPLUS FOOD CORPORATION SDN BHD	SPS	Ayam/itik
30.	MENG SENG ENTERPRISE SDN BHD	SPS	Ayam/itik
31.	ABIGAIL TRADING	SPS	Ayam/itik
32.	NAFAS FOOD PROCESSING & MARKETING SDN BHD	SPS	Ayam/itik
33.	ANIGOOD FOOD ENTERPRISE	SPS	Lembu/kambing
34.	ABANG J GLOBAL ENTERPRISE	SPS	Ayam/itik
35.	MAHA JAYA ENTERPRISE	SPS	Ayam/itik
36.	QISNAHARAN ENTERPRISE	SPS	Ayam/itik
37.	SAI WIRAF SDN BHD	SPS	Ayam/itik

Senarai Rumah Sembelih Mengikut Waktu Penyembelihan

BIL.	RUMAH SEMBELIH	DAERAH	JENIS TERNAKAN	WAKTU PENYEMBELIHAN
1	YSH Food Supplies Sdn Bhd	SPU	Babi	Isnin – Sabtu 8.00 pagi - 4.00 petang & 8.00 petang - 5.00 pagi
2	Hi Good Corporation Sdn Bhd	SPU	Babi	Setiap Hari 7.30 pagi - 4.30 petang
3	Soon Seng Meat Sdn Bhd	SPS	Babi	Isnin - Rabu; Jumaat - Sabtu 7.00 pagi - 4.00 petang
4	Cell Diversified Sdn Bhd @ Rumah Sembelih Babi MBPP	DTL	Babi	Isnin - Jumaat 9.00 pagi - 3.00 petang
5	Batu Maung Pig Slaughtering House Sdn Bhd	DBD	Babi	Isnin - Sabtu 10.30 pagi - 3.30 petang
6	Rumah Sembelih Ruminan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)	SPT	Ruminan	Isnin – Jumaat 8.00 pagi – 5.00 petang
7	Rumah Sembelih Ruminan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	DTL	Ruminan	Selasa - Jumaat 6.50 pagi - 9.00 pagi
8	TAF Venture	SPS	Ruminan	Setiap Hari 8.00 pagi - 8.00 petang
9	Akit Enterprise	SPT	Ruminan	Setiap Hari 5.00 petang - 12.00 tengah malam

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

11. Senaraikan bilangan rampasan penjualan daging tanpa tag mengikut daerah dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan sebab berlakunya penjualan daging tanpa tag ini.
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan penjualan daging tanpa tag ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kaedah-Kaedah Binatang Kawalan Penyembelihan mula dikuatkuasakan di negeri Pulau Pinang pada 1 Mei 2022. Senarai bilangan rampasan adalah seperti Jadual 1 di **LAMPIRAN A**.
- (a) Sebarang penyembelihan perlulah dilaksanakan di dalam rumah sembelihan yang diluluskan atau dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dengan merujuk kepada Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan 2009).

Pemeriksaan yang dijalankan oleh Pemeriksa Daging yang ditempatkan di setiap rumah sembelih berlesen (babi dan ruminan) adalah meliputi keseluruhan proses penyembelihan iaitu pemeriksaan semasa penerimaan ternakan iaitu setiap pemindahan perlu mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan Akuan Kebenaran Pindah (AKP), pemeriksaan sebelum penyembelihan (*ante mortem*), semasa penyembelihan dan pemeriksaan selepas penyembelihan (*post mortem*). Persampelan daging bagi tujuan pengujian daripada segi

pengesanan virus African Swine Fever (ASF), mikrobiologi dan residue juga dilaksanakan seperti Jadual 2 di **LAMPIRAN A**. Pemeriksaan ini akan memberi jaminan karkas yang hendak dijual adalah sihat dari aspek keselamatan makanan.

Semua karkas yang diperiksa akan ditanda dengan “cop lagenda” atau “tag karkas” sebagai pengesahan. Nombor cop lagenda dan tag karkas tersebut adalah unik mengikut nombor yang didaftarkan oleh JPV. Penjualan daging tanda cop lagenda dan tag karkas ini lazimnya dilakukan oleh pihak yang tidak mempunyai rumah sembelihan yang diluluskan atau dilesenkan oleh JPV serta tidak melalui proses pemeriksaan.

- (b) Pemantauan secara berterusan dan berkala dijalankan bagi memastikan penyembelihan ternakan dan penjualan yang dilakukan mengikut perundangan yang sedang berkuatkuasa. Tindakan undang-undang akan dilakukan dengan cara merampas ternakan yang melibatkan penjualan tanpa kebenaran atau “tanda lagenda” atau “*seal tag*” ini. Tindakan kompaun atau denda akan dikenakan.

Operator rumah sembelih yang berminat untuk beroperasi boleh memohon lesen di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 namun perlulah mematuhi syarat pelesenan iaitu mempunyai Kebenaran Merancang (KM). Keperluan KM dalam pembinaan rumah sembelih adalah diwajibkan seperti yang digariskan di dalam Seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Pihak JPV perlu mengambil kira KM sebagai satu syarat permohonan lesen setelah mendapat pandangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Selain daripada syarat KM, operator rumah sembelih perlu memastikan bahawa semua penyembelihan yang dibina adalah mematuhi Manual Rumah Penyembelihan Tempatan Bagi *Abattoir Ruminan* dan *Code of Veterinary Practice for Pig Abattoir*. Di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) hanya rumah sembelihan ruminan dan babi sahaja yang dilesenkan.

LAMPIRAN A

Jadual 1: Bilangan Rampasan Penjualan Daging Tanpa Tag Mengikut Daerah Dari Tahun 2020 Sehingga 2024.

	DAERAH	JENIS KARKAS	TINDAKAN/HUKUMAN	TAHUN
1	Seberang Perai Utara	Karkas babi karkas babi seberat 277.1kg.	Pemilik didenda sebanyak RM4,500.00, karkas dilupuskan	2022
2		Karkas babi karkas babi seberat 149.3kg.	Pemilik didenda sebanyak RM4,000.00, karkas dilupuskan	2022
3		Memiliki 63.5kg karkas lembu	Pemilik dikompaun sebanyak RM2,000.00, karkas dilupuskan	2023
4		Memiliki 95.5kg karkas lembu	Pemilik dikompaun sebanyak RM2,000.00, karkas dilupuskan	2024
1	Seberang Perai Tengah	Memiliki 261kg karkas babi	Pemilik didenda sebanyak RM4,000.00, karkas dilupuskan	2022
2		Memiliki 167kg karkas babi	Pemilik didenda sebanyak RM4,500.00, karkas dilupuskan	2022
3		Memiliki 33.1kg karkas lembu	Pemilik didenda sebanyak RM1,800.00, karkas dilupuskan	2023
4		Memiliki 73.1kg karkas kambing	Pemilik dikompaun sebanyak RM2,000.00, karkas dilupuskan	2023
5		Memiliki 912.5kg karkas lembu	Pemilik dikompaun sebanyak RM3,000.00, karkas dilupuskan	2024
1	Seberang Perai Selatan	Memiliki 33kg karkas lembu	Kes NFA, karkas dilupuskan	2022
2		Memiliki 19.4kg karkas kambing	Pemilik dikompuan sebanyak RM1,000.00, karkas dilupuskan	2023

Jadual 2 : Ujian Yang Dilaksanakan Di Rumah Sembelihan Mengikut Ternakan

Ternakan	Babi		Ruminan	
Jenis Ujian	Residue	Mikrobiologi	Residue	Mikrobiologi
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amfenicol 2. Antibakteria 3. Beta agonist 4. Kloramfenikol 5. Nitrofuran 6. Nitroimidazole 7. Pestisid (Organoklorin) 8. Stillbenes 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Standard Plate Count 2. Coliform spp 3. Escherichia coli 4. Salmonella spp 5. Yersenia Enterolitica 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amfenicol 2. Antibakteria 3. Beta agonist 4. Kloramfenikol 5. Nitrofuran 6. Nitroimidazole (Organoklorin) 8. Stillbenes 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Standard Plate Count 2. Coliform spp 3. Escherichia coli 4. Escherichia coli O157 5. Salmonella spp

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG
BERANGAN YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

12. Kenaikan harga makanan haiwan yang berlaku menyebabkan penternak terpaksa menjual ternakan pada harga yang lebih mahal. Apakah usaha kerajaan dalam mengawal harga makanan haiwan ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Bagi mengawal harga serta kuantiti dan kualiti makanan ternakan, pejabat Exco Agroteknologi dan Keterjaminan makanan telah merancang pelaksanaan Projek *Penang Ruminant Livestock Food Production Center* (PRUF). Antara *touch point Penang Ruminant Livestock Food Production Center* ialah jualan secara terus dari ladang bagi produk-produk berasaskan industri ternakan serta barangan keperluan ternakan seperti makanan ternakan, ubat-ubatan serta maklumat tentang ternakan, dengan menawarkan harga yang berpatutan yang lebih rendah dari pasaran.

Pelaksanaan *Penang Ruminant Livestock Food Production Center* dicadangkan menerusi 3 kaedah:

- (i) Mewujudkan kawasan tanaman makanan ternakan seluas 50 hektar secara kumulatif di tiga (3) daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan;
- (ii) Mewujudkan dasar stok penimbal (stockpile) iaitu satu pusat kawalan (Command Center) yang menguruskan krisis berkaitan bekalan makanan ternakan supaya lebih efisien, teratur dan sistematik; dan

- (iii) Pusat pengumpulan sebagai satu pusat yang menyediakan segala kemudahan serta aktiviti bagi memudahkan semua petani, penternak serta usahawan memasarkan pelbagai produk keluaran pertanian serta ternakan.

Matlamat pelaksanaan projek PRUF ini adalah untuk menampung kekurangan bekalan makanan ternakan di Pulau Pinang yang semakin berkurangan. Dengan wujudnya *Penang Ruminant Livestock Food Production Centre* penternak tidak lagi bimbang akan kekurangan bekalan makanan ternakan malah mereka boleh mendapatkan dengan harga yang berpatutan serta keterjaminan bekalan makanan ternakan dan secara tidak langsung dapat mengimbangi harga daging tempatan melalui pendekatan sistem penternakan yang efisien, peningkatan kapasiti pengeluaran, pengekalan kos pengeluaran optimum dan memperkukuh pengurusan di sepanjang rantai nilai.

Bagi Jabatan Kerajaan yang lain seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mempunyai perundangan Akta Makanan Haiwan (AMH) 2009. Akta ini pada dasarnya mengawal selia kualiti makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan bagi memastikan makanan tersebut memenuhi keperluan nutrien, tidak memudaratkan, tidak tercemar dan selamat untuk digunakan oleh haiwan. Akta ini meliputi aktiviti yang melibatkan pelesenan, persijilan, pemantauan, persampelan, ujian dan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, pengawalan harga bagi sebarang makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan adalah tidak termasuk di bawah AMH 2009. Oleh itu, pengawalan harga ini adalah di luar bidang kuasa JPV.

Bagi menangani isu kenaikan harga makanan haiwan terutamanya dedak, JPV menggalakkan supaya penternak untuk melaksanakan penanaman rumput (*homeplot*) sebagai makanan haiwan. JPV juga menyediakan bantuan di bawah pakej penanaman *homeplot* bermula dari pembersihan kawasan, penambakan tanah, penggemburan tanah, pembajaan, penanaman rumput, penyediaan pam boring dan saluran paip serta *sprinkle* dan pemagaran. Penternak yang berminat untuk mendapatkan bantuan ini boleh mengisi borang permohonan bantuan yang akan dibuka pada 1 Oktober hingga 30 November pada setiap tahun di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) yang berdekatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

13. Apakah perkembangan terkini pelaksanaan Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020?
- (a) Senaraikan kesalahan yang dilakukan dan denda yang telah dikenakan sehingga kini.
 - (b) Senaraikan SSL bagi unggas di negeri Pulau Pinang daripada tahun 2020 sehingga kini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Lesen di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 telah dikeluarkan bermula 1 Januari 2024. Kesemua ladang yang memohon lesen telah diverifikasi dan khidmat nasihat berhubung penambahbaikan penternakan unggas telah diberikan pada Februari 2024.

Sebanyak 183 buah ladang telah dilesenkan. Pada masa kini, pelesenan dijalankan ke atas ladang unggas dengan kapasiti 10,000 ekor dan ke atas memandangkan potensi pencemaran adalah disebabkan oleh populasi ternakan. Ladang yang berlesen di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 adalah seperti **LAMPIRAN A.**

Penternak unggas juga diberi tempoh masa selama tiga (3) bulan untuk menambah baik ladang unggas serta mematuhi syarat pelesenan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah

mula menjalankan pemantauan di ladang yang berlesen sejak Mac 2024.

- (a) Tindakan kompaun telah mula dikenakan pada 2 Mei 2024 yang memperuntukkan kompaun tidak lebih daripada RM15,000.00 mengikut kesalahan yang dilakukan. Sehingga 8 Mei 2024 tiada kompaun dikeluarkan.
- (b) Maklumat Kadar Sara Diri (SSR) Malaysia bagi pengeluaran daging dan telur ayam/itik, dan status pengeluarannya di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Jadual 1: Bilangan Ladang Yang Berlesen Mengikut Jurusan Penternakan Dan Daerah Tahun 2024

BIL.	DAERAH	AYAM PEDAGING	AYAM KAMPUNG KACUKAN	AYAM BAKA PEDAGING	AYAM BAKA KAMPUNG	AYAM PENELUR	ITIK PEDAGING	ITIK PENELUR	ITIK PEMBIAKAN
1.	SPS	41	39	2	4	26	0	1	0
2.	SPT	31	8	3	3	7	1	1	2
3.	SPU	8	0	0	0	0	0	1	0
4.	DBD	5	0	0	0	0	0	0	0
5.	DTL	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH LADANG		85	47	5	7	33	1	3	2

MAKLUMAT KADAR SARA DIRI (SSR) BAGI PENGELUARAN DAGING DAN TELUR AYAM/ITIK

DAGING AYAM/ITIK

Perkara	2020	2021	2022	2023
SSR Malaysia (%) Daging Ayam	101.7	99.9	93.3	N/A
SSR Malaysia (%) Daging Itik	125.2	130.6	130.8	N/A
Pengeluaran Negeri Pulau Pinang Daging Ayam/Itik (MT)	79,755.13	76,553.94	93,921.02	92,965.43
Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi

TELUR AYAM/ITIK

Perkara	2020	2021	2022	2023
SSR Malaysia (%)	114.1	114.4	109.0	N/A
Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	189,549,000	193,983,700	235,697,650	299,599,860
Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi

*Tiada SSR di peringkat Negeri Pulau Pinang dan merujuk kepada SSR Malaysia sahaja disebabkan maklumat yang diperoleh terhadap dan tidak boleh digunapakai untuk pengiraan di peringkat Negeri bagi mengelakkan perbezaan kaedah pengiraan SSR.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

14. Apakah perkembangan terkini pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi 2016?
- (a) Senaraikan kesalahan yang dilakukan dan denda yang telah dikenakan daripada tahun 2020 sehingga kini.
 - (b) Senaraikan SSL bagi babi di negeri Pulau Pinang daripada tahun 2020 sehingga kini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Penternakan babi yang dijalankan di negeri Pulau Pinang adalah berpusat dan berdekatan dengan kawasan awam terutamanya kawasan perumahan. Ini adalah kerana penternakan babi tersebut terlebih dahulu dibina dan beroperasi sebelum pembangunan di sekelilingnya. Pembinaan ladang babi juga kebanyakannya adalah dibina di atas tanah milik penternak sendiri dan bukannya tanah yang disewa.

Pada tahun 2024, sebanyak 101 buah ladang babi terdapat di negeri Pulau Pinang berbanding sebanyak 153 buah ladang babi pada tahun 2020 apabila Enakmen Penternakan Babi 2016 dikuatkuasakan. Jumlah populasi babi pada tahun 2024 adalah sebanyak 187,956 ekor babi berbanding dengan 341,895 ekor babi pada tahun 2020. Pengurangan babi ini membantu mengurangkan pencemaran kerana sisa babi yang terhasil berkurangan.

Sejak tahun 2017, penternak babi telah diarahkan untuk menaik taraf kandang babi kepada Sistem Kandang Tertutup. Hasil verifikasi pada tahun 2023 mendapati semua penternak babi telah menaik taraf kepada Sistem Kandang Tertutup. Walau bagaimanapun, pemeriksaan berterusan dilaksanakan untuk memastikan kesemua kandang tertutup tersebut digunakan dan ditambahbaik jika terdapat kerosakan.

Pada masa kini, pencemaran bau dan air masih tidak dapat diselesaikan. Ini berikutan daripada sisa babi yang terhasil tidak dapat dirawat dan tiada tempat pengumpulan sisa babi yang bersesuaian. Tempat pengumpulan sisa babi perlulah berada di tempat yang bersesuaian jauh daripada sumber air (sungai) serta mempunyai rawatan berjadual.

Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk membina Sistem Biogas di Kg. Valdor yang pada ketika ini telah mula beroperasi di Fasa Pengujian dan Pentauliahan Loji Janakuasa Biogas. Pengujian peralatan dijalankan fasa demi fasa yang telah siap di Tangki Penerima, Tangki Penampunan dan Tangki Pencernaan Anaerobik.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah berbincang dengan penternak babi di Daerah Seberang Perai Utara untuk membina Fasiliti Biogas dan persetujuan penternak telah diperolehi. Pada masa kini dipersetujui agar syarikat yang sama di Kg. Valdor akan membina Fasiliti Biogas di Kg. Selamat untuk memastikan tiada lagi sisa babi keluar daripada ladang babi dan menyebabkan pencemaran.

- (a) JPVPP juga melaksanakan pemantauan berterusan dan memberikan tindakan kompaun ke atas ladang babi. Tindakan kompaun bagi kesalahan di dalam Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan-Peraturan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 yang telah dilaksanakan daripada tahun 2021 sehingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kadar sara diri (SSR) bagi pengeluaran daging babi di Malaysia daripada tahun 2020 sehingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Walau bagaimanapun, tiada rekod data SSR khusus untuk Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

Jadual 1 : Tindakan Kompaun Di Bawah Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 Bagi Tahun 2021

Kesalahan	Seksyen 4: Keperluan Bagi Lesen	Seksyen 8: Langgar syarat yang dikenakan	Seksyen 18: Membuang atau melepaskan sisa babi	Peraturan 6: Mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen	Peraturan 13: Memagar Ladang Babi	Peraturan 21: Larangan Bagi Sisa Babi Yang Tidak Diolah	Peraturan 24: Kawalan Vektor (Makhluk Perosak)	Peraturan 31: Pelepasan Efluen	Peraturan 34: Jad Parameter Efluen Yang Dilepaskan Ke dalam Pengairan Daratan (BOD)	JUMLAH
SPU	-	-	-	7	-	-	6	-	-	13
SPT	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
SPS	-	2	7	1	1	-	7	-	-	18
DBD	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
DTL	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0

- Jumlah kertas siasatan yang dibuka = 32 Kes
- Jumlah kertas siasatan di NFA = 1 Kes
- Bilangan Kompaun yang dikeluarkan = 31
- Nilai Kompaun = RM1,000.00
- Nilai Keseluruhan kompaun yang dibayar = RM32,000.00

Jadual 2 : Tindakan Kompaun Di Bawah Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 Bagi Tahun 2022

Kesalahan	Seksyen 4: Keperluan Bagi Lesen	Seksyen 8: Langgar syarat yang dikenakan	Seksyen 18: Membuang atau melepaskan sisa babi	Peraturan 6: Mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen	Peraturan 13: Memagar Ladang Babi	Peraturan 21: Larangan Bagi Sisa Babi Yang Tidak Diolah	Peraturan 24: Kawalan Vektor (Makhluk Perosak)	Peraturan 31: Pelepasan Efluen	Peraturan 34: Jad Parameter Efluen Yang Dilepaskan Ke dalam Pengairan Daratan (BOD)	JUMLAH
SPU	31	-	-	-	-	1	-	2	1	35
SPT	1	-	-	-	-	1	-	-	-	2
SPS	21	-	-	-	1	-	-	2	-	24
DBD	2	-	-	-	-	-	-	-	-	2
DTL	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0

- Jumlah kertas siasatan yang dibuka = 63 Kes
- Jumlah kertas siasatan di NFA = 1 Kes
- Bilangan Kompaun yang dikeluarkan = 62
- Nilai Kompaun = RM1,000.00
- Nilai Keseluruhan kompaun yang dibayar = RM62,000.00

Jadual 3 : Tindakan Kompaun Di Bawah Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 Bagi Tahun 2023

Kesalahan	Seksyen 4: Keperluan Bagi Lesen	Seksyen 8: Langgar syarat yang dikenakan	Seksyen 18: Membuang atau melepaskan sisa babi	Peraturan 6: Mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen	Peraturan 13: Memagar Ladang Babi	Peraturan 21: Larangan Bagi Sisa Babi Yang Tidak Diolah	Peraturan 24: Kawalan Vektor (Makhluk Perosak)	Peraturan 31: Pelepasan Efluen	Peraturan 34: Jad Parameter Efluen Yang Dilepaskan Ke dalam Pengairan Daratan (BOD)	JUMLAH
SPU	16	-	-	-	-	-	-	-	4	20
SPT	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
SPS	16	-	-	-	-	-	-	-	1	17
DBD	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
DTL	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0

- Jumlah kertas siasatan yang dibuka = 39 Kes
- Jumlah kes dalam siasatan = 0 Kes
- Jumlah kertas siasatan di NFA = 4 Kes
- Bilangan Kompaun yang dikeluarkan = 35
- Nilai Kompaun = RM5000.00, RM7500.00, RM10000.00, RM15000.00
- Nilai Keseluruhan kompaun yang dibayar = RM270,000.00

Jadual 4 : Tindakan Kompaun Di Bawah Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Peraturanan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 Bagi Tahun 2024 (sehingga April 2024)

Kesalahan	Seksyen 4: Keperluan Bagi Lesen	Seksyen 8: Langgar syarat yang dikenakan	Seksyen 18: Membuang atau melepaskan sisa babi	Peraturan 6: Mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen	Peraturan 13: Memagar Ladang Babi	Peraturan 21: Larangan Bagi Sisa Babi Yang Tidak Diolah	Peraturan 24: Kawalan Vektor (Makhluk Perosak)	Peraturan 31: Pelepasan Efluen	Peraturan 34: Jad Parameter Efluen Yang Dilepaskan Ke dalam Pengairan Daratan (BOD)	JUMLAH
SPU	-	-	-	-	-	-	-	-	8	8
SPT	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
SPS	1	-	-	-	-	-	-	-	1	2
DBD	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
DTL	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

- Jumlah kertas siasatan yang dibuka = 12 Kes
- Jumlah kes dalam siasatan = 6 Kes
- Jumlah kertas siasatan di NFA = 0 Kes
- Bilangan Kompaun yang dikeluarkan = 6
- Nilai Kompaun = RM4000.00, RM5,000.00, RM10,000.00, RM15000.00
- Nilai Keseluruhan kompaun yang dibayar = RM34,000.00

MAKLUMAT KADAR SARA DIRI (SSR) BAGI PENGELUARAN DAGING BABI

DAGING BABI

Perkara	2020	2021	2022	2023
SSR Malaysia (%)	94.9	93.4	84.6	N/A
Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	32,155.22	29,063.52	25,144.08	17,677.26
Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi

*Tiada SSR di peringkat Negeri Pulau Pinang dan merujuk kepada SSR Malaysia sahaja disebabkan maklumat yang diperoleh terhad dan tidak boleh digunapakai untuk pengiraan di peringkat Negeri bagi mengelakkan perbezaan kaedah pengiraan SSR.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

15. Apakah hasil siasatan daripada isu 80 peratus sayur Pulau Pinang datang dari kebun haram?
- (a) Apakah SSL bagi sayuran dalam negeri Pulau Pinang?
 - (b) Bagaimana kerajaan hendak memastikan penjualan sayur-sayuran di Pulau Pinang tidak dikuasai oleh kartel atau warga asing?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Aktiviti pertanian di tanah haram bermaksud menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian tanpa persetujuan tuan tanah atau pihak berkuasa ke atas tanah tersebut atau melanggar apa-apa peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Keluasan tanaman sayuran di Negeri Pulau Pinang adalah seluas 983.98 hektar berdasarkan data petani yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) dan maklumat ini direkodkan di dalam Agrisgeoportal Jabatan Pertanian Malaysia sehingga tahun 2023. Daripada hasil siasatan yang telah dilaksanakan oleh pihak DOA, tiada bukti menunjukkan bahawa 80 peratus sayur di Pulau Pinang datang dari kebun haram. Pihak DOA hanya memberi perkhidmatan pada pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian secara sah dan pemantauan terhadap residu (kandungan racun dalam tanaman) tetap dilaksanakan dan dihantar ke makmal untuk ujian *Maximum Residue Limit* (MRL).
- (a) DOA merujuk kepada Kadar Sara Diri (SSR) yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia di peringkat

kebangsaan sahaja memandangkan SSR diperingkat negeri tidak disediakan oleh pihak DOA.

- (b) Bagi memastikan jualan sayur-sayuran tidak dikuasai oleh kartel dan warga asing, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) hanya menjalankan aktiviti belian di peringkat ladang dengan pemilik kebun yang mempunyai status warga negara Malaysia sahaja. Selain itu, insentif belian tidak diberikan kepada warga asing. Program Ladang Kontrak hanya dikhususkan kepada warga negara Malaysia sahaja bagi melayakkan pekebun mendapat manfaat daripada dana kerajaan seperti alatan lepas tuai, tampungan harga lantai serta insentif belian produk MyGap. Bagi tahun 2023, belian direkodkan sebanyak 150 tan metrik dengan nilai RM2.2 juta. Manakala bilangan pekebun yang didaftarkan sebagai peserta program Ladang Kontrak adalah seramai 32 orang peserta dengan 30 perjanjian jual beli (*forward agreement*) dilaksanakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

16. Senaraikan kes dan bilangan kes yang telah diambil tindakan berdasarkan Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020.
- (a) Senaraikan bilangan penternak-penternak mengikut DUN di Pulau dan Seberang Perai.
 - (b) Apakah tindakan terkini terhadap penternak itik yang dikatakan mencemarkan Sungai Kulim?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Lesen di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 telah dikeluarkan bermula 1 Januari 2024. Penternak unggas juga diberi tempoh masa selama tiga (3) bulan untuk menambahbaik ladang unggas serta mematuhi syarat pelesenan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah mula menjalankan pemantauan di ladang yang berlesen sejak Mac 2024. Tindakan kompaun akan mula dikenakan pada 2 Mei 2024 yang memperuntukkan kompaun tidak lebih daripada RM15,000.00 mengikut kesalahan yang dilakukan. Tiada kompaun dikeluarkan sehingga 8 Mei 2024.
- (a) Senarai bilangan penternak mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Pulau dan Seberang Perai adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
 - (b) JPVPP telah melaksanakan pemantauan secara mingguan ke atas penternak itik sejak bulan Februari 2024. Penaiktarafan ke atas sistem kolam kumbahan telah dilaksanakan dan digunakan.

Semua *outlet direct discharge* telah ditutup dan tiada kesan pencemaran dijumpai di laluan Nirvana serta laluan berkaitan. Terdapat beberapa teguran telah diberi berkaitan binaan reban tertutup di ladang itik ini dan pemantauan seterusnya akan dilaksanakan pada tarikh di antara 20 sehingga 25 Mei 2024.

Senarai bilangan penternak mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pulau dan Seberang Perai.

A. DUN di Pulau

DUN	KOMODITI	TAHUN 2023	
		PENTERNAK	TERNAKAN
Tanjong Bunga	LEMBU PEDAGING	9	101
N22	KAMBING	5	67
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	5	335
	ITIK PEDAGING	2	100
Air Putih	TIADA		
N23			
Kebun Bunga	LEMBU PEDAGING	2	20
N24	KAMBING	1	10
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	1	20
Pulau Tikus	TIADA		
N25			
Padang Kota	TIADA		
N26			
Pengkalan Kota	LEMBU PEDAGING	1	30
N27	AYAM KAMPUNG KACUKAN	1	70
KOMTAR	LEMBU PEDAGING	1	20
N28	LEMBU FIDLOT	1	200
	KAMBING	1	6
	KERBAU	1	5
Datok Keramat	TIADA		
N29			
Sungai Pinang	LEMBU PEDAGING	5	66
N30	LEMBU FIDLOT	1	100
	KAMBING	4	47
	UNGGAS		
Batu Lancang	TIADA		
N31			
Seri Delima	LEMBU PEDAGING	2	16
N32	AYAM KAMPUNG KACUKAN	1	65

Air Itam	LEMBU PEDAGING	28	96
N33	KAMBING	4	75
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	5	250
Paya Terubong	AYAM KAMPUNG KACUKAN	2	165
N34			
Batu Uban	LEMBU PEDAGING	2	15
N35	KAMBING	2	17
Pantai Jerejak	LEMBU PEDAGING	4	55
N36	LEMBU FIDLOT	1	70
	BEBIRI	1	10
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	2	250
	ITIK PEDAGING	1	60
Batu Maung	LEMBU PEDAGING	2	15
N37	KAMBING	3	54
	BEBIRI	1	74
	AYAM PEDAGING	1	11,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	4	450
Bayan Lepas	LEMBU PEDAGING	10	117
N38	LEMBU FIDLOT	1	20
	KAMBING	14	258
	BEBIRI	3	120
	AYAM PEDAGING	1	14,500
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	18	2,490
	ITIK PEDAGING	1	30
	ITIK PENELUR	1	20
Pulau Betong	LEMBU PEDAGING	11	158
N39	KAMBING	11	218
	BEBIRI	1	50
	AYAM PEDAGING		
	AYAM PENELUR	1	6,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	21	5,280
	ITIK PEDAGING	2	300
	ITIK PENELUR	2	140
	PUYUH PEDAGING	1	300
	PUYUH PENELUR	2	10,500
Telok Bahang	LEMBU PEDAGING	36	412
N40	LEMBU FIDLOT	5	180
	KAMBING	15	648
	BEBIRI	4	46
	AYAM PEDAGING	3	60,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	22	5,270
	ITIK PEDAGING	1	100

	ITIK PENELUR	2	150
	PUYUH PEDAGING	1	500

B. DUN di Seberang Perai

DUN	KOMODITI	TAHUN 2023	
		PENTERNAK	TERNAKAN
Penaga	LEMBU PEDAGING	27	295
N1	LEMBU FIDLOT	3	84
	KAMBING	32	637
	BEBIRI	5	75
	KERBAU	1	2
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	8	3,350
Bertam	LEMBU PEDAGING	8	99
N2	LEMBU FIDLOT	1	20
	KAMBING	13	288
	BEBIRI	4	80
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	3	900
	ITIK PENELUR	1	1,200
	PUYUH PEDAGING	1	500
Pinang Tunggal	LEMBU PEDAGING	26	326
N3	LEMBU FIDLOT	4	140
	KAMBING	25	480
	BEBIRI	13	348
	KERBAU	2	10
	AYAM PEDAGING	8	498,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	11	3,950
Permatang Berangan	LEMBU PEDAGING	74	1,032
N4	LEMBU FIDLOT	14	510
	KAMBING	90	1,739
	BEBIRI	36	816
	KERBAU	2	17
	AYAM PEDAGING	8	252,500
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	22	19,400
	ITIK PENELUR	1	200
	PUYUH PEDAGING	1	95,000
	PUYUH PENELUR	1	18,000
Sungai Dua	LEMBU PEDAGING	22	186
N5	LEMBU FIDLOT	3	261
	KAMBING	22	333
	BEBIRI	9	248
	KERBAU	1	2
	AYAM PEDAGING	3	178,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	5	1,620
	ITIK PEDAGING	1	200
	ITIK PENELUR	1	200
	ITIK PEMBIAKBAKA PEDAGING	1	30,000

	PUYUH PEDAGING	2	120,000
Telok Ayer Tawar			
	LEMBU PEDAGING	9	62
N6	LEMBU FIDLOT	1	120
	KAMBING	3	39
	BEBIRI	1	17
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	1	200
Sungai Puyu	LEMBU PEDAGING	1	4
N7	KERBAU	1	1
	KAMBING	4	72
Bagan Jermal	TIADA		
N8			
Bagan Dalam	LEMBU PEDAGING	1	7
N9	KAMBING	2	18
	AYAM PENELUR	2	3,300
Seberang Jaya	LEMBU PEDAGING	10	340
N10	KERBAU	1	14
	KAMBING	8	375
	BEBIRI	2	33
	AYAM PENELUR	3	5,200
	AYAM PEMBIAKBAKA PEDAGING	1	20,000
	ITIK PENELUR	1	200
	PUYUH PEDAGING	1	2,600
Permatang Pasir	LEMBU PEDAGING	6	107
N11	KAMBING	1	22
	AYAM PENELUR	3	2,800
	PUYUH PEDAGING	1	6,000
Penanti	LEMBU PEDAGING	25	525
N12	LEMBU FIDLOT	1	100
	KERBAU	6	120
	KAMBING	24	522
	BEBIRI	2	52
	AYAM PEDAGING	13	1,700,500
	AYAM PENELUR	3	110,400
	PUYUH PEDAGING	1	6,000
Berapit	LEMBU PEDAGING	3	110
N13	LEMBU FIDLOT	1	150
	PUYUH PENELUR	1	500
Machang Bubuk	LEMBU PEDAGING	14	324
N14	LEMBU FIDLOT	1	250
	KAMBING	22	555

	BEBIRI	8	175
	KERBAU	1	15
	AYAM PEDAGING	20	1,706,000
	AYAM PENELUR	1	100,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	10	763,000
	AYAM PEMBIAKBAKA PEDAGING	1	80,000
	AYAM PEMBIAKBAKA KAMPUNG	3	153,000
	ITIK PEDAGING	2	20,000
	ITIK PENELUR	1	16,000
	ITIK PEMBIAKBAKA PEDAGING	3	85,000
Padang Lalang	LEMBU PEDAGING	5	53
N15	KAMBING	11	198
	BEBIRI	2	48
	UNGGAS		
Perai	LEMBU PEDAGING	26	484
N16	LEMBU FIDLOT	3	300
	KERBAU	2	11
	KAMBING	34	892
	BEBIRI	8	163
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	2	1,100
	AYAM PEMBIAKBAKA KAMPUNG	2	60,000
	PUYUH PEDAGING	1	700
Bukit Tengah	LEMBU PEDAGING	18	563
N17	LEMBU FIDLOT	4	350
	KAMBING	7	242
	BEBIRI	1	150
	KERBAU	3	52
	AYAM PEDAGING	8	472,500
	AYAM PENELUR	5	174,500
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	12	384,500
Bukit Tambun	LEMBU PEDAGING	34	1,488
N18	LEMBU FIDLOT	5	850
	KAMBING	18	780
	BEBIRI	4	224
	KERBAU	5	68
	AYAM PEDAGING	5	230,044
	AYAM PENELUR	30	1,050,900
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	3	2,400
	ITIK PEDAGING	3	23,000
	ITIK PENELUR	1	12,000
Jawi	LEMBU PEDAGING	36	1,552
N19	LEMBU FIDLOT	1	40
	KAMBING	20	335
	BEBIRI	1	14
	AYAM PEDAGING	18	1,566,100
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	11	850,000
	AYAM PEMBIAKBAKA PEDAGING	1	90,000
	ITIK PEDAGING	2	20,000

	ITIK PENELUR	4	27,000
	ITIK PEMBIAKBAKA PEDAGING	1	30,000
	ITIK PEMBIAKBAKA PENELUR	1	5,000
Sungai Bakap N20	LEMBU PEDAGING	54	1,747
	LEMBU FIDLOT	13	3,030
	KAMBING	44	2,467
	BEBIRI	14	1,829
	KERBAU	9	275
	AYAM PEDAGING	22	2,319,500
	AYAM PENELUR	3	340,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	32	2,509,800
	AYAM PEMBIAKBAKA PEDAGING	1	80,000
	AYAM PEMBIAKBAKA KAMPUNG	4	207,000
	ITIK PEDAGING	4	50,000
	ITIK PENELUR	1	6,000
	ITIK PEMBIAKBAKA PEDAGING	1	34,200
	PUYUH PEDAGING	1	18,000
Sungai Acheh N21	LEMBU PEDAGING	18	398
	LEMBU FIDLOT	2	80
	KAMBING	7	159
	BEBIRI	7	190
	AYAM PEDAGING	1	35,000
	AYAM KAMPUNG KACUKAN	2	2,000
	ITIK PENELUR	2	1,000
	PUYUH PEDAGING	1	10,000

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

17. Senaraikan bilangan peminjam kredit Tabung Usahawan Tani mengikut DUN.
- (a) Berapakah peruntukan yang telah disalurkan dari tahun 2020 sehingga kini?
 - (b) Apakah pakej lain yang ditawarkan oleh Jabatan Pertanian Pulau Pinang kepada usahawan tani?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Senarai bilangan peminjam kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti berikut:

DUN	BILANGAN PEMINJAM
Bagan	1
Balik Pulau	2
Bayan Lepas	2
Bertam	2
Bukit Gelugor	1
Bukit Mertajam	1
Bukit Tambun	1
Bukit Tengah	4
Jawi	7
Machang Bubok	24
Penaga	4

Penanti	48
Perai	2
Permatang Berangan	9
Permatang Pasir	17
Pinang Tunggal	6
Seberang Jaya	8
Sungai Acheh	9
Sungai Bakap	3
Sungai Dua	1
Teluk Air Tawar	1

- (a) Peruntukan yang telah disalurkan dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2020	117,000.00
2021	Tiada
2022	119,000.00
2023	Tiada

- (b) Pakej lain yang ditawarkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) kepada usahawan tani adalah seperti berikut:

- (i) Geran Pemandanan *Change Upgrade Product* (CUP)

Program ini dipertimbangkan kepada usahawan industri asas tani dalam Kategori Mikro yang memperoleh nilai jualan kasar tahunan di bawah RM300,000.00.

- (ii) Geran Pemandanan *High Impact Product* (HIP)

Program ini dipertimbangkan kepada usahawan industri asas tani dalam Kategori Kecil yang memperoleh nilai jualan kasar tahunan RM300,000 hingga RM5,000,000.00.

- (iii) Geran Agropreneur Muda (GAM)

Program Agropreneur Muda ini diwujudkan untuk golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Geran ini

diberi dalam bentuk barangan dengan nilai maksimum RM20,000.00 per individu.

(iv) Tabung Usahawan Tani

Program ini menawarkan bantuan pinjaman sehingga RM6,000.00 pada yang berumur 40 tahun dan ke bawah dan RM5,000.00 kepada yang berumur 41 hingga 60 tahun dengan syarat berikut:

- a. Menetap dan mengusaha perniagaan di Pulau Pinang;
- b. Mempunyai lesen perniagaan dan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
- c. Nama tidak disenarai hitam (CTOS); dan
- d. Mempunyai pengalaman berasaskan industri asas tani sekurang-kurangnya 1 tahun.

(v) Pembangunan Industri Tanaman Dan Industri Asas Tani

Merupakan Peruntukan Pembangunan Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui DOA untuk menjayakan program Insentif Amalan Teknologi Pertanian di Pulau Pinang. Program ini disasarkan kepada usahawan tani yang berdaftar dengan DOA. Antara insentif yang ditawarkan berupa khidmat nasihat, input pertanian dan menaik taraf infrastruktur.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

18. Senaraikan koperasi pertanian yang terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Berapa peruntukan yang disalurkan kerajaan bagi membantu mereka dari tahun 2020 hingga kini?
 - (b) Sejauh mana koperasi membantu mengurangkan kos operasi petani dan meningkatkan pendapatan mereka?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Koperasi pertanian yang terdapat di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad;
 - (ii) Koperasi Kelompok Permatang Pasir Pulau Pinang Berhad;
 - (iii) Koperasi Kelompok Permatang Ara Pulau Pinang Berhad;
 - (iv) Koperasi Kelompok Padang Temusu Pulau Pinang Berhad;
 - (v) Koperasi Kelompok Padi Lahar Kepar Pulau Pinang Berhad;
 - (vi) Koperasi Mini Estet Seri Manggis Pulau Pinang Berhad;
 - (vii) Koperasi Tani Paya Keladi Pulau Pinang Berhad;
 - (viii) Koperasi Kelompok Padi Jalan Baru Nibong Tebal Berhad; dan
 - (ix) Koperasi Kelompok Padi Jalan Sempadan Berhad.
- (a) Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan bagi membantu koperasi dari tahun 2020 hingga kini adalah seperti berikut:

TAHUN	KOPERASI	PERUNTUKAN (RM)	INSENTIF	BIL. INSENTIF
2020	Koperasi Kelompok Padi Lahar Kepar Pulau Pinang Berhad	68,900.00	<i>Drone</i>	1
2021	Koperasi Tani Paya Keladi Pulau Pinang Berhad	139,200.00	Mesin Padi	1
	Koperasi Kelompok Permatang Pasir Pulau Pinang Berhad	68,900.00	<i>Drone</i>	1
2022	Koperasi Mini Estet Seri Manggis Pulau Pinang Berhad	69,000.00	<i>Drone</i>	1
2023	Koperasi Kelompok Permatang Pasir Pulau Pinang Berhad	144,000.00	Mesin Padi	1
JUMLAH		490,000.00		5

- (b) Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) menyalurkan bantuan berupa mesin padi dan *drone* kepada koperasi. Bantuan ini dapat mengurangkan kos sewaan kepada pembekal perkhidmatan mesin padi di mana kos sewaan mesin padi kepada pembekal perkhidmatan berjumlah RM520 per hektar, manakala bagi membaja dan meracun yang menggunakan *drone* petani hanya membayar RM40 per relong.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

19. Senaraikan penternak dan bilangan lembu dan kambing di Pulau Pinang mengikut DUN.
- (a) Senaraikan pusat penyembelihan lembu dan kambing berpusat yang terdapat di Pulau Pinang.
 - (b) Berapakah tahap sara diri (SSL) bagi lembu dan kambing di Pulau Pinang?
 - (c) Apakah usaha kerajaan dalam membantu penternak meningkatkan SSL ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Senarai penternak serta bilangan lembu dan kambing di negeri Pulau Pinang mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Senarai pusat penyembelihan lembu dan kambing berpusat yang terdapat di negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Tahap sara diri (SSR) bagi lembu dan kambing di Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN C** (tiada data khusus SSR untuk negeri Pulau Pinang).

- (c) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sentiasa berusaha untuk membantu penternak dalam mengekalkan atau mengembangkan bidang penternakan mereka melalui penawaran pelbagai bentuk bantuan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri seperti berikut:
- (i) Pembinaan kandang lembu/kambing dengan peruntukan maksimum RM50,000.00 kepada setiap peserta;
 - (ii) Penaiktarafan kandang lembu/kambing dengan peruntukan maksimum RM20,000.00 kepada setiap peserta;
 - (iii) Penanaman makanan ternakan rumput dengan peruntukan maksimum RM20,000.00 kepada setiap peserta;
 - (iv) Agihan baka lembu/kambing dengan peruntukan maksimum RM10,000.00 kepada setiap peserta; dan
 - (v) Perolehan mesin/peralatan ladang dengan peruntukan maksimum RM10,000.00 kepada setiap peserta.

Di samping itu, JPV juga melaksanakan perolehan makanan ternakan (dedak) dan bata garam (*supplement*) untuk diagihkan kepada penternak sekiranya terdapat lebih peruntukan Kerajaan Negeri, setelah mengutamakan perolehan bagi bantuan bernilai besar yang dinyatakan seperti di atas.

JPV juga menyediakan perkhidmatan pernian beradas (AI) kepada penternak di mana penternak boleh mendapatkan perkhidmatan suntikan benih lembu (semen) di ladangnya bagi membuntingkan ternakan mereka. Selain itu, sekiranya terdapat ternakan yang tidak sihat, penternak boleh berhubung dengan JPV untuk mendapatkan rawatan dan khidmat nasihat daripada jabatan.

JPV turut menganjurkan latihan kepada penternak seperti kursus, seminar, kempen, sesi libat urus bagi menyalurkan maklumat mengenai aspek pengurusan ternakan, kesihatan ternakan, penggunaan teknologi dan inovasi terkini dan lain-lain untuk meningkatkan kompetensi penternak di dalam bidang ternakan.

Seterusnya, Projek Pusat Ternakan Ruminan Bersepadu Pulau Pinang serta Pusat Pengeluaran Makanan Ruminan Pulau Pinang (PRUF) akan dijalankan secara serentak bagi meningkatkan produktiviti daging tempatan. Kerajaan Negeri sedang bekerja secara rapat bersama JPVPP, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjayakan dua projek berskala besar ini. Projek ini dijangka akan memberi impak dan manfaat yang besar kepada lebih 200 penternak lembu dan kambing dari seluruh Pulau Pinang. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan SSR dan mencukupkan bekalan makanan berasaskan daging bagi rakyat Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

Senarai penternak serta bilangan lembu dan kambing di Negeri Pulau Pinang mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN).

DUN	KOMODITI	TAHUN 2023	
		PENTERNAK	TERNAKAN
Penaga	LEMBU PEDAGING	27	295
N1	LEMBU FIDLOT	3	84
	KAMBING	32	637
	BEBIRI	5	75
	KERBAU	1	2
Bertam	LEMBU PEDAGING	8	99
N2	LEMBU FIDLOT	1	20
	KAMBING	13	288
	BEBIRI	4	80
Pinang Tunggai	LEMBU PEDAGING	26	326
N3	LEMBU FIDLOT	4	140
	KAMBING	25	480
	BEBIRI	13	348
	KERBAU	2	10
Permatang Berangan	LEMBU PEDAGING	74	1,032
N4	LEMBU FIDLOT	14	510
	KAMBING	90	1,739
	BEBIRI	36	816
	KERBAU	2	17
Sungai Dua	LEMBU PEDAGING	22	186
N5	LEMBU FIDLOT	3	261
	KAMBING	22	333
	BEBIRI	9	248
	KERBAU	1	2
Telok Ayer Tawar	LEMBU PEDAGING	9	62
N6	LEMBU FIDLOT	1	120
	KAMBING	3	39
	BEBIRI	1	17
Sungai Puyu	LEMBU PEDAGING	1	4
N7	KERBAU	1	1
	KAMBING	4	72
Bagan Jermal	TIADA		
N8			

Bagan Dalam	LEMBU PEDAGING	1	7
N9	KAMBING	2	18
Seberang Jaya	LEMBU PEDAGING	10	340
N10	KERBAU	1	14
	KAMBING	8	375
	BEBIRI	2	33
Permatang Pasir	LEMBU PEDAGING	6	107
N11	KAMBING	1	22
Penanti	LEMBU PEDAGING	25	525
N12	LEMBU FIDLOT	1	100
	KERBAU	6	120
	KAMBING	24	522
	BEBIRI	2	52
Berapit	LEMBU PEDAGING	3	110
N13	LEMBU FIDLOT	1	150
Machang Bubuk	LEMBU PEDAGING	14	324
N14	LEMBU FIDLOT	1	250
	KAMBING	22	555
	BEBIRI	8	175
	KERBAU	1	15
Padang Lalang	LEMBU PEDAGING	5	53
N15	KAMBING	11	198
	BEBIRI	2	48
Perai	LEMBU PEDAGING	26	484
N16	LEMBU FIDLOT	3	300
	KERBAU	2	11
	KAMBING	34	892
	BEBIRI	8	163
Bukit Tengah	LEMBU PEDAGING	18	563
N17	LEMBU FIDLOT	4	350
	KAMBING	7	242
	BEBIRI	1	150
	KERBAU	3	52
Bukit Tambun	LEMBU PEDAGING	34	1,488
N18	LEMBU FIDLOT	5	850
	KAMBING	18	780
	BEBIRI	4	224
	KERBAU	5	68

Jawi	LEMBU PEDAGING	36	1,552
N19	LEMBU FIDLOT	1	40
	KAMBING	20	335
	BEBIRI	1	14
Sungai Bakap	LEMBU PEDAGING	54	1,747
N20	LEMBU FIDLOT	13	3,030
	KAMBING	44	2,467
	BEBIRI	14	1,829
	KERBAU	9	275
Sungai Acheh	LEMBU PEDAGING	18	398
N21	LEMBU FIDLOT	2	80
	KAMBING	7	159
	BEBIRI	7	190
Tanjong Bunga	LEMBU PEDAGING	9	101
N22	KAMBING	5	67
Air Putih	TIADA		
N23			
Kebun Bunga	LEMBU PEDAGING	2	20
N24	KAMBING	1	10
Pulau Tikus	TIADA		
N25			
Padang Kota	TIADA		
N26			
Pengkalan Kota	LEMBU PEDAGING	1	30
N27			
KOMTAR	LEMBU PEDAGING	1	20
N28	LEMBU FIDLOT	1	200
	KAMBING	1	6
	KERBAU	1	5
Datok Keramat	TIADA		
N29			
Sungai Pinang	LEMBU PEDAGING	5	66
N30	LEMBU FIDLOT	1	100
	KAMBING	4	47
Batu Lancang	TIADA		
N31			

Seri Delima	LEMBU PEDAGING	2	16
N32			
Air Itam	LEMBU PEDAGING	28	96
N33	KAMBING	4	75
Paya Terubong	TIADA		
N34			
Batu Uban	LEMBU PEDAGING	2	15
N35	KAMBING	2	17
Pantai Jerejak	LEMBU PEDAGING	4	55
N36	LEMBU FIDLOT	1	70
	BEBIRI	1	10
Batu Maung	LEMBU PEDAGING	2	15
N37	KAMBING	3	54
	BEBIRI	1	74
Bayan Lepas	LEMBU PEDAGING	10	117
N38	LEMBU FIDLOT	1	20
	KAMBING	14	258
	BEBIRI	3	120
Pulau Betong	LEMBU PEDAGING	11	158
N39	KAMBING	11	218
	BEBIRI	1	50
Telok Bahang	LEMBU PEDAGING	36	412
N40	LEMBU FIDLOT	5	180
	KAMBING	15	648
	BEBIRI	4	46
	JUMLAH	1205	34,585

LAMPIRAN B

Jadual 1: Senarai Rumah Sembelih Mengikut Daerah dan Haiwan Yang Disembelih

Bil	Rumah Sembelih	Daerah	Komoditi	Kapasiti Penyembelihan (bulan)
1	Rumah Sembelih Ruminan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)	SPT	Ruminan	600
2	Rumah Sembelih Ruminan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	DTL	Ruminan	800
3	TAF Venture	SPS	Ruminan	300
4	Akit Enterprise	SPT	Ruminan	300

Jadual 2: Senarai Rumah Sembelih Mengikut Waktu Penyembelihan

Bil	Npagia Rumah Sembelih	Daerah	Komoditi	Waktu Penyembelihan
1	YSH Food Supplies Sdn Bhd	SPU	Babi	Isnin – Sabtu 8.00 pagi - 4.00 petang & 8.00 malam - 5.00 pagi
2	Hi Good Corporation Sdn Bhd	SPU	Babi	Setiap Hari 7.30 pagi - 4.30 petang
3	Soon Seng Meat Sdn Bhd	SPS	Babi	Isnin - Rabu; Jumaat - Sabtu 7.00 pagi - 4.00 petang

4	Cell Diversified Sdn Bhd @ Rumah Sembelih Babi MBPP	DTL	Babi	Isnin - Jumaat 9.00 pagi - 3.00 petang
5	Batu Maung Pig Slaughtering House Sdn Bhd	DBD	Babi	Isnin - Sabtu 10.30 pagi - 3.30 petang
6	Rumah Sembelih Ruminan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)	SPT	Ruminan	Isnin – Jumaat 8.00 pagi – 5.00 petang
7	Rumah Sembelih Ruminan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	DTL	Ruminan	Selasa - Jumaat 6.50 pagi - 9.00 pagi
8	TAF Venture	SPS	Ruminan	Setiap Hari 8.00 pagi - 8.00 petang
9	Akit Enterprise	SPT	Ruminan	Setiap Hari 5.00 petang - 12.00 tengah malam

**MAKLUMAT KADAR SARA DIRI (SSR) BAGI PENGELUARAN DAGING LEMBU/KERBAU,
DAGING KAMBING/BEBIRI SERTA SUSU SEGAR**

DAGING LEMBU/KERBAU

Perkara	2020	2021	2022	2023
SSR Malaysia (%)	21.3	18.9	14.7	N/A
Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	4,600.32	2,414.93	2,696.38	2,594.04
Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi

DAGING KAMBING/BEBIRI

Perkara	2020	2021	2022	2023
SSR Malaysia (%)	9.4	10.7	8.7	N/A
Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	209.39	88.33	150.24	145.57
Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi

SUSU SEGAR

Perkara	2020	2021	2022	2023
SSR Malaysia (%)	64.2	56.7	57.3	N/A
Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (Liter)	996,795	941,430	954,190	733,920
Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi

*Tiada SSR di peringkat Negeri Pulau Pinang dan merujuk kepada SSR Malaysia sahaja disebabkan maklumat yang diperoleh terhadap dan tidak boleh digunapakai untuk pengiraan di peringkat Negeri bagi mengelakkan perbezaan kaedah pengiraan SSR.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

20. Apakah usaha Kerajaan Negeri menangani masalah kenaikan harga barang terutamanya barang basah di pasar awam?
- (a) Bagaimana kerajaan menangani penjaja haram berdekatan pasar-pasar awam?
 - (b) Apakah tindakan kepada penjaja haram di sepanjang jalan Paya Terubong yang mengganggu lalu lintas?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pulau Pinang melalui program Jualan Agro MADANI menawarkan jualan barangan dengan penjimatan sehingga 15% hingga 20% bagi keperluan bekalan makanan termasuk barang basah. Pihak FAMA juga berkolaborasi dengan jabatan/agensi negeri seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Pulau Pinang melalui program jualan murah dalam memastikan pengguna mendapat bekalan makanan dengan harga yang lebih murah. Sehingga April 2024, sebanyak 111 program Jualan Agro MADANI telah diadakan pada tahun 2024 dengan nilai jualan adalah sebanyak RM1.7 juta.

Selain itu, usaha pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menangani masalah kenaikan harga barang terutamanya barang basah di pasar awam adalah seperti berikut:

- (i) Mengenakan kadar sewa yang minima dan berpatutan kepada penyewa ruang niaga MBSP;
 - (ii) Menaik taraf pasar awam supaya lebih ramai pengunjung datang dan meningkatkan keselesaan pembeli;
 - (iii) Membenarkan kepelbagaian jualan di pasar-pasar awam agar dapat menarik lebih ramai pengunjung; dan
 - (iv) Menjalankan aktiviti pembersihan dan penggredan di pasar-pasar awam.
- (a) Setiap pasar awam milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan diselia oleh seorang Pembantu Kesihatan Awam yang akan menjalankan pemantauan harian pada setiap pagi. Sekiranya pemantauan mendapati terdapat peniaga tanpa lesen menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan berhampiran pasar, tindakan notis dan kompaun akan dikenakan kepada peniaga tersebut dan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan sekiranya peniaga tersebut masih menjalankan aktiviti perniagaan.

Selain daripada itu, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak MBSP bagi menangani penjaja haram berdekatan pasar-pasar awam adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan Notis Menghendaki Aktiviti Penjajaan Dihentikan atau Notis Tawaran Kompaun atau kedua-duanya kepada penjaja tanpa lesen MBSP yang sah;
- (ii) Menjalankan tindakan sitaan barang perniagaan kepada penjaja tanpa lesen yang gagal mematuhi arahan notis yang telah dikeluarkan;
- (iii) Melaksanakan penempatan semula penjaja tanpa lesen di dalam kawasan pasar awam sekiranya terdapat kawasan yang bersesuaian melalui tambahan petak-petak niaga; dan
- (iv) Menawarkan dan memberikan keutamaan bagi pengisian kekosongan gerai MBSP kepada penjaja-penjaja tersebut.

- (b) Pihak MBPP telah menempatkan penjaja haram ke dalam Pasar dan Kompleks Taman Terubong Jaya. Di samping itu, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan turut diambil ke atas peniaga baharu yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

21. Senaraikan pusat penyembelihan dan pemprosesan ayam yang dikurniakan sijil halal.
- (a) Agensi mana yang bertanggungjawab untuk memantau sembelihan dan pemprosesan ayam di negeri ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Senarai pusat penyembelihan dan pemprosesan ayam yang mempunyai sijil halal adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Agensi yang bertanggungjawab untuk memantau sembelihan pemprosesan ayam di negeri Pulau Pinang adalah Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP).

Kilang Penyembelihan Unggas yang mempunyai pensijilan *Veterinary Health Mark* (VHM) adalah di bawah pemantauan JPVPP di mana pemeriksaan oleh Pegawai Pemeriksaan Daging JPVPP dilaksanakan. VHM bukanlah sejenis lesen tetapi pensijilan bagi pengiktirafan sesuatu kilang penyembelihan bagi mematuhi kesemua kriteria yang ditetapkan di bawah VHM termasuklah *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP). JPVPP hanya melaksanakan pemantauan ke atas kilang penyembelihan unggas yang mempunyai VHM sahaja.

Di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 yang dikuatkuasakan pada 1 Mei 2022, hanya rumah sembelihan ruminan dan babi sahaja yang dilesenkan. Di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 hanya ladang ternakan yang dilesenkan. Tiada peraturan berkaitan rumah penyembelihan unggas di bawah JPVPP.

LAMPIRAN A

Jadual 1: Kilang Penyembelihan Unggas Yang Mempunyai Sijil *Veterinary Health Mark* (VHM) di Negeri Pulau Pinang

Bil.	Kilang	Komoditi	Status Halal
1	Ayam Mega Sdn Bhd	Ayam	Halal
2	Ayamplus Food Corporation Sdn Bhd	Itik	Halal
3	Harumi Brands Sdn Bhd (DBE Poultry Sdn Bhd)	Ayam	Halal
4	Dinding Poultry Processing Sdn Bhd	Ayam	Halal
5	Dynavest Food Industrial Sdn Bhd	Ayam	Halal
6	F.Y Sdn Bhd	Ayam	Halal
7	integrated Poultry Industries Sdn Bhd	Itik	Halal
8	Jimat Jaya Sdn Bhd	Ayam	Halal
9	LTC Ayam Sdn Bhd	Itik	Halal
10	Perak Duck Food Industries Sdn Bhd	Ayam	Halal
11	PG Lean Hwa Trading Sdn Bhd	Itik	Halal

Jadual 2: Rumah Sembelihan Yang Mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia di Negeri Pulau Pinang (sehingga 9 Mei 2024)

Bil.	Kilang
1	Ayam Hebat Prosesan Sdn. Bhd.
2	Ayamas Food Corporation Sdn. Bhd. (IPI)
3	Ayamplus Food Corporation Sdn. Bhd.
4	Hapiniaga Sdn. Bhd.
5	LTC Ayam Sdn. Bhd.
6	Manzr Holdings Sdn. Bhd.

Bil.	Kilang
7	NAFAS Food Processing & Marketing Sdn. Bhd.
8	Pemborong Ayam AK (M) Sdn. Bhd.
9	PG Lean Hwa Trading Sdn. Bhd.
10	Puyuh Mutiara Enterprise
11	Rumah Sembelihan Ruminan
12	SLX Agriculture Products Sdn. Bhd.
13	Ayam Mawaddah Sdn. Bhd.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

22. Senaraikan lesen-lesen yang ada dalam industri padi dan pihak yang mengeluarkan lesen ini.
- (a) Siapakah yang akan bertindak sekiranya berlaku pelanggaran peraturan oleh pemilik lesen ini dan apakah hukuman yang dikenakan?
 - (b) Senaraikan kes-kes dalam industri padi dari tahun 2020 sehingga kini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Jenis-jenis lesen yang terdapat dalam industri padi adalah seperti berikut:

- (i) Lesen Kilang Padi (Komersil)
- (ii) Lesen Pembeli Padi

Lesen-lesen ini dikeluarkan, diluluskan dan dikawal selia oleh Bahagian Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].

- (a) Sekiranya berlaku pelanggaran kepada undang-undang, tindakan akan diambil oleh Bahagian Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 atau Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Hukuman yang boleh dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) Seseorang, selain daripada sesuatu pertubuhan perbadanan, tetapi termasuk seseorang pengarah atau pegawai sesuatu pertubuhan perbadanan, yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah, atau yang gagal mematuhi, mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya yang penalti baginya tiada diperuntukkan dengan nyatanya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit (RM15,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.
 - (ii) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah, atau yang gagal mematuhi, mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000.00) dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00).
- (b) Tidak ada kes-kes dalam industri padi di negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

23. Senaraikan aktiviti-aktiviti *task force* yang ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah pencemaran Sungai Kereh disebabkan najis babi.
- (a) Nyatakan keberkesanan *task force* ini dalam menyelesaikan masalah ini.
 - (b) Apakah punca kegagalan kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini selama 40 tahun?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Terdapat dua (2) *task force* yang ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah pencemaran Sungai Kereh iaitu Jawatankuasa Petugas Mengenai Pencemaran Sungai Kereh dan Jawatankuasa *task force* Pengurusan Pencemaran Sungai Dari Ladang Penternakan Babi Di Negeri Pulau Pinang.

Jawatankuasa telah mengadakan lawatan ke ladang babi untuk mendapatkan gambaran punca pencemaran serta tindakan penyelesaian bagi punca-punca pencemaran tersebut.

Jawatankuasa juga telah mendengar beberapa cadangan penyelesaian daripada syarikat-syarikat yang menawarkan penyelesaian pencemaran yang disebabkan oleh penternakan babi. Sesi perbincangan bersama penternak babi juga telah diadakan bagi isu sumber kewangan.

- (a) Penternakan babi yang dijalankan di negeri Pulau Pinang adalah berpusat dan berdekatan dengan kawasan awam terutamanya kawasan perumahan. Ini adalah kerana penternakan babi tersebut terlebih dahulu dibina dan beroperasi sebelum pembangunan di sekelilingnya. Pembinaan ladang babi juga kebanyakannya adalah dibina di atas tanah milik persendirian dan bukannya tanah yang disewa.

Pada tahun 2024, sebanyak 101 buah ladang babi terdapat di negeri Pulau Pinang berbanding sebanyak 153 buah ladang babi pada tahun 2020 apabila Enakmen Penternakan Babi 2016 dikuatkuasakan. Jumlah populasi babi pada tahun 2024 adalah sebanyak 187,956 ekor babi berbanding dengan 341,895 ekor babi pada tahun 2020. Pengurangan babi ini membantu mengurangkan pencemaran kerana sisa babi yang terhasil adalah berkurangan.

Sejak tahun 2017, penternak babi telah diarahkan untuk menaik taraf kandang babi kepada Sistem Kandang Tertutup. Hasil verifikasi pada tahun 2023 mendapati semua penternak babi telah menaik taraf kepada Sistem Kandang Tertutup. Walau bagaimanapun, pemeriksaan berterusan dilaksanakan untuk memastikan kesemua kandang tertutup tersebut digunakan dan ditambah baik jika terdapat kerosakan.

Pada masa kini, pencemaran bau dan air masih dalam proses untuk diselesaikan. Ini berikutan daripada sisa babi yang terhasil tidak dapat dirawat dan tiada tempat pengumpulan sisa babi yang bersesuaian. Tempat pengumpulan sisa babi perlulah berada di tempat yang bersesuaian jauh daripada sumber air (sungai) serta mempunyai rawatan berjadual.

Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk membina Sistem Biogas di Kampung Valdor yang pada ketika ini telah mula beroperasi di Fasa Pengujian dan Pentauliahan Loji Janakuasa Biogas. Pengujian peralatan dijalankan fasa demi fasa di Tangki Penerima, Tangki Penampunan dan Tangki Pencernaan Anaerobik. JPV melalui persetujuan YB Exco Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga telah berbincang dengan penternak babi di Seberang Perai Utara untuk membina Fasiliti Biogas dan persetujuan penternak telah diperolehi. Pada masa kini dipersetujui agar syarikat yang sama di Kampung Valdor akan membina Fasiliti Biogas di Kampung Selamat untuk memastikan

tiada lagi sisa babi keluar daripada ladang babi dan menyebabkan pencemaran. JPV juga melaksanakan pemantauan berterusan dan tindakan kompaun ke atas ladang babi daripada tahun 2021 sehingga 2024.

- (b) JPV Pulau Pinang menguatkuasakan Enakmen Penternakan Babi 2016 pada tahun 2020. Sehingga kini, penguatkuasaan enakmen ini baru memasuki usia empat (4) tahun. Sepanjang tempoh 4 tahun ini, JPV Pulau Pinang telah mengurangkan jumlah ladang dan populasi babi di negeri Pulau Pinang. JPV Pulau Pinang juga telah menjalankan tindakan kompaun ke atas penternak babi yang melakukan kesalahan. Selain itu, semua penternak babi juga telah menaik taraf kandang babi kepada Sistem Kandang Tertutup. Usaha untuk mencari tanah yang bersesuaian untuk menguruskan sisa babi juga dilaksanakan namun kaedah tersebut tidak dapat menyelesaikan isu ini untuk satu jangka masa yang panjang. Oleh itu, cadangan pembinaan biogas dilihat menjadi satu jalan penyelesaian yang terbaik dan terdapat persetujuan di antara penternak dan cadangan syarikat yang dilantik.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

24. Kesesakan jalan dari Pekan Tasek Gelugor ke Sungai Dua dijangka akan menjadi lebih teruk dengan pembinaan taman perumahan baru. Apakah kajian telah dilakukan oleh kerajaan dalam meneliti masalah ini?
- (a) Senaraikan usaha kerajaan dalam pelebaran jalan dan pengambilan tanah sepanjang jalan ini.
 - (b) Adakah kerajaan bercadang mewujudkan laluan alternatif?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Bagi memastikan aliran lalu lintas sentiasa berada dalam keadaan terkawal dan lancar, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mensyaratkan kepada setiap pemaju taman perumahan baharu di sepanjang jalan dari Pekan Tasek Gelugor ke Sungai Dua untuk melaksanakan Kajian Penilaian Impak Trafik (TIA).
- (a) Antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan ini adalah:
 - (i) Menaik taraf persimpangan Jalan Gelugor dengan Jalan Kubang Menerong hingga R.O.W. (*right of way*) jalan dari Jalan Kubang Menerong hingga Jalan Permatang Berangan B. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Scientex Berhad dan perlu disiapkan sebelum Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan;

- (ii) Pelebaran Jalan Gelugor kepada enam (6) lorong termasuk jambatan dari Sungai Kreh hingga Jalan Pokok Sena. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Scientex Berhad dan Setia Fontaines Sdn. Bhd. Pemaju perlu menyiapkan pelebaran jalan sebelum CCC dikeluarkan;
 - (iii) Pelebaran Jalan Pokok Sena kepada empat (4) lorong termasuk pengambilan tanah dari persimpangan Jalan Gelugor hingga Jalan Permatang Indah. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Scientex Berhad dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan;
 - (iv) Pelebaran Jalan Pongsu Seribu hingga R.O.W. jalan termasuk jambatan dari persimpangan Jalan Gelugor hingga Jalan Kampung Baru Pokok Sena. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan;
 - (v) Pelebaran Jalan Merbau Kudung kepada empat (4) lorong dari Taman Seri Merbau hingga Lorong Merbau Indah 4. Cadangan ini telah disyaratkan kepada PKM Tetuan Spirit of Perai Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan CCC dikeluarkan; dan
 - (vi) Membina jalan dan jambatan yang menghubungkan Taman Merbau Indah dengan Jalan Guar Jering. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Spirit of Perai Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan.
- (b) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan lalu lintas di kawasan tersebut dan telah merancang laluan alternatif seperti berikut:
- (i) Membina jalan 80 kaki yang menghubungkan Jalan Paya Keladi dengan Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Lestari Duta Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan;
 - (ii) Membina jalan 100 kaki yang menghubungkan Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir dengan Jalan Gelugor. Cadangan ini

telah disyaratkan kepada Tetuan Setia Fontaines Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan;

- (iii) Membina jalan dan jambatan 50 kaki yang menghubungkan Taman Merbau Indah dengan Jalan Guar Jering. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Spirit of Perai Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan; dan
- (iv) Membina jalan dan jambatan 80 kaki yang menghubungkan Jalan Asas Tani dengan Jalan Tok Bedu. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Maple Meadow Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

25. Nelayan sungai di Labuh Banting sering diancam dengan masalah sampah sarap yang merosakkan pukut dan bot mereka. Nyatakan punca-punca sampah ini berlaku.
- (a) Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Masalah pencemaran sungai berpunca dari pembuangan sampah sarap, pelepasan dari industri dan domestik, aktiviti pertanian serta penerokaan tanah di bahagian hulu Sungai yang menghanyutkan sampah sarap tersebut melalui nelayan Sungai di Labuh Banting.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah membuat langkah kawalan dengan mengenakan syarat kepada pihak pengusaha/ pemaju/ perunding dengan perlu mematuhi Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi ke-2 yang dikeluarkan oleh JPS Malaysia. Selain itu, Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) ialah program pembangunan laluan di sepanjang jajaran sungai, kolam atau badan air yang bertindak sebagai mekanisme penjagaan dan pelestarian sungai daripada aktiviti pencemaran.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG
BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

26. Penduduk sering mengalami masalah terputus bekalan elektrik di Pongsu Seribu, Lahar Tembus dan Kampung Banggol. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan masalah keperluan asas ini dapat diselesaikan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa memantau prestasi sistem bekalan dan melaksanakan projek-projek Memperkukuhkan Sistem Voltan Tinggi (MSVT) dan Memperkukuhkan Sistem Voltan Rendah (MSVR) di seluruh negeri Pulau Pinang bagi memastikan insiden gangguan bekalan elektrik tidak berlaku. Untuk tahun 2024, TNB telah memperuntukkan sejumlah RM70.0 juta bagi membiayai 230 projek pengukuhan sistem merangkumi pelbagai sistem voltan. Bagi memastikan bekalan dapat disuap balik dengan cepat jika berlaku gangguan bekalan, TNB juga akan melaksanakan projek automasi sistem kawalan penyeliaan dan perolehan data melibatkan 400 pencawang elektrik yang telah dikenal pasti dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM21.0 juta.

Berkaitan masalah gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku di Pongsu Seribu, TNB telah melaksanakan pengujian kabel pada keseluruhan segmen yang terlibat dan mendapati bahawa gangguan bekalan adalah disebabkan oleh kerosakan kabel bawah tanah. Kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan dan siap sepenuhnya pada 30 April 2024. TNB juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek MSVT dengan

mengkonfigurasi sistem 11 kilovolt (kV) sedia ada di Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Kepala Batas dan PPU Padang Menora melalui cadangan pembinaan PPU Scientex. Projek ini disasarkan untuk siap pada bulan Disember 2025.

Gangguan bekalan di Lahar Tembun pula adalah disebabkan oleh peningkatan beban dan gangguan pada talian atas oleh faktor persekitaran. TNB akan melaksanakan langkah pengimbangan beban dan pemantauan berkala bagi memastikan masalah tersebut tidak berulang. Kerja ini dijangka siap dilaksanakan pada bulan Ogos 2024. Bagi masalah gangguan bekalan di Kampung Banggol pula, hasil siasatan oleh TNB mendapati bahawa punca berlakunya insiden gangguan adalah kerosakan kabel bawah tanah dan peningkatan beban di kawasan tersebut. TNB telah melaksanakan kerja-kerja pengimbangan beban dan pembaikan kabel tersebut yang siap sepenuhnya pada 4 Mei 2024. TNB juga sedang melaksanakan pengujian kabel pada keseluruhan segmen tersebut dan disusuli oleh pelaksanaan projek MSVR yang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Julai 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

27. Penjualan tanah lot tanpa perancangan boleh menyebabkan bekalan elektrik dan air tidak mencukupi. Apakah usaha kerajaan dalam mengawal penjualan tanah lot tanpa perancangan ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Setiap perancangan pembangunan tanah perlu memerlukan kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut garis panduan dan syarat-syarat pembangunan yang sedang berkuat kuasa. Pihak pemaju atau pemilik tanah perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada Perunding Jururancang yang bertauliah atau orang yang berkelayakan dalam memastikan cadangan pemajuan tersebut mematuhi garis panduan, peraturan dan undang-undang sedia ada.

Bagi setiap cadangan permohonan baharu yang dikemukakan kepada PBT, pelan permohonan akan dirujuk kepada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan untuk semakan pematuhan kehendak-kehendak teknikal termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Perbadanan Bekalan Air (PBA). Pelan permohonan yang telah mematuhi semua kehendak jabatan teknikal akan diberi pertimbangan oleh PBT untuk kelulusan. Apabila projek pemajuan baharu siap dibina di tapak, pemohon juga disyaratkan untuk memperolehi surat-surat sokongan daripada semua jabatan teknikal termasuk TNB dan PBA sebelum Sijil Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh arkitek projek. Oleh itu, perancangan pembekalan elektrik dan air untuk projek-projek pemajuan baharu lazimnya disemak, ditetapkan dan dikawal di

peringkat permohonan pelan pemajuan oleh PBT demi menjamin pembekalan yang berterusan kepada pengguna.

Walau bagaimanapun, bagi memantau pemajuan tanah lot tanpa kebenaran, PBT menjalankan beberapa tindakan seperti berikut:

- (a) Pemantauan berkala di kawasan *hotspot* yang berpotensi terjadinya pemajuan tanah lot tanpa kebenaran;
- (b) Operasi rampasan jentera dan lori yang menjalankan pemajuan tanah lot tanpa kebenaran;
- (c) Operasi memutuskan laluan masuk ke tapak kerja tanah tanpa kebenaran;
- (d) Pengeluaran kompaun kerja tanah tanpa kebenaran di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133); dan
- (e) Mengeluarkan saman di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

28. Senaraikan sebab dan berapa denda serta rampasan yang telah diambil tindakan oleh MBSP kepada penjaja-penjaja baru di DUN Permatang Berangan.
- (a) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi membantu penjaja ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Antara sebab tindakan penguatkuasaan diambil oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kepada penjaja-penjaja baharu di DUN Permatang Berangan adalah seperti berikut:
- (i) Penjaja baharu menjalankan aktiviti perniagaan tanpa mendapatkan lesen/permit penjaja yang sah daripada pihak MBSP;
- (ii) Penjaja baharu menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan yang tidak dibenarkan;
- (iii) Penjaja baharu meninggalkan barangan dan perkakasan di lokasi perniagaan; dan
- (iv) Penjaja baharu tidak menjaga kebersihan di tapak penjaja sehingga menimbulkan isu kekotoran dan longkang tersumbat.

Kadar denda serta bilangan kes rampasan yang telah diambil tindakan oleh MBSP pada tahun 2023 sehingga April 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Denda (RM)	Rampasan (Kes)
2023	0	0
2024	800.00	2
Jumlah	800.00	2

- (a) Kerajaan Negeri melalui MBSP telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam usaha untuk membantu penjaja-penjaja baharu iaitu seperti berikut:
- (i) Memudahkan proses pengeluaran lesen/permit kepada penjaja/peniaga kecil iaitu lesen dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;
 - (ii) Menyediakan garis panduan yang boleh diakses melalui laman sesawang PBT sebagai panduan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan seperti Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan;
 - (iii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT melalui sesi temu duga ruang niaga yang diadakan dalam jangka masa tertentu;
 - (iv) Mengenal pasti lokasi penempatan semula penjaja bagi peniaga/penjaja yang tidak berlesen/tanpa kebenaran; dan
 - (v) Mewujudkan Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Awam (Pasar Awam Dan Pusat Penjaja) bagi mensyaratkan pemaju menyediakan pusat penjaja baharu (berdasarkan kriteria yang ditetapkan di dalam garis panduan).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

29. Apakah status padang awam Kompleks Sukan Pokok Sena?
- (a) Apakah usaha kerajaan menyediakan padang awam secara percuma di kawasan ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Padang awam Kompleks Sukan Pokok Sena telah dibuka untuk kegunaan orang awam pada Disember 2023. Projek menaiktaraf Kompleks Sukan Pokok Sena telah dilaksanakan dalam dua (2) fasa pada tahun 2022 dan 2023 seperti berikut:-

Tahun	Kos (RM)	Komponen
2022	887,310.00	<ul style="list-style-type: none">• Padang Bola Sepak (<i>FIFA standard</i>)• <i>Jogging Trek</i>• Pagar jenis <i>anticlimb fencing</i>

Tahun	Kos (RM)	Komponen
2023	2,184,376.00	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Skatepark</i> seluas 1,350 meter persegi (beserta kemudahan lampu untuk membolehkan <i>skatepark</i> digunakan pada waktu malam) • 10 unit kontena (tandas awam; lelaki dan perempuan, tandas OKU, bilik persalinan, dua (2) buah bilik mesyuarat, bilik VIP) • <i>Grandstand</i> 400 tempat duduk untuk padang bola sepak • Lampu solar (18 unit) laluan pejalan kaki.

- (a) Kemudahan *skatepark* dan *jogging trek* merupakan kemudahan awam yang disediakan secara percuma kepada orang awam dan kemudahan padang dikenakan pada kadar sewaan yang minima. Kemudahan ini boleh ditempah menggunakan sistem etempahan@psdklpp.gov.my. Kadar nominal dikenakan sebagai sewaan untuk mengimbangi kos operasi seperti pembersihan, padang bola sepak dan utiliti air serta elektrik.

Fasa 3 projek ini meliputi pembinaan *lawn ball* dan masih di peringkat perbincangan dan pengenalpastian dana bagi tujuan pembinaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XXVII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

30. Senaraikan jumlah pili bomba yang terdapat di DUN Permatang Berangan.
- (a) Apakah usaha kerajaan bagi menambah pili bomba terutama di kawasan kampung yang tiada pili bomba?
 - (b) Apakah kerajaan bersedia menyediakan jentera bomba yang lebih kecil untuk memudahkan bomba masuk ke kawasan kampung apabila berlaku kebakaran?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Jumlah keseluruhan pili bomba di DUN Permatang Berangan adalah sebanyak 391 unit yang merangkumi 362 unit pili bomba awam dan 29 pili bomba swasta.
- (a) Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa membuat penilaian bagi kawasan kampung yang tiada pili bomba. Permohonan-permohonan bagi cadangan pemasangan pili bomba baharu di kampung yang tiada pili bomba akan dipertimbangkan dengan menilai risiko sekitar dan keperluan semasa. Keutamaan akan diberikan ke kawasan-kawasan yang berisiko dan memerlukan memandangkan peruntukan kewangan yang diterima oleh JBPM adalah terhad.

Pihak JBPM telah bersedia untuk menyediakan jentera bomba yang lebih kecil untuk memudahkan bomba masuk ke kawasan kampung apabila berlaku kebakaran. Pada ketika ini, penyediaan jentera bomba yang lebih kecil masih lagi di peringkat perolehan jabatan.